

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN/BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**

**SOALAN NO. 115**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan senarai semua koperasi yang berdaftar serta projek atau tanah yang telah diberi kepada setiap koperasi jika ada.

**JAWAPAN**

1. Sehingga 31 Disember 2018, terdapat sebanyak 14,245 buah koperasi berdaftar di seluruh negara dengan keanggotaan seramai 6.5 juta orang. Koperasi berdaftar tersebut mempunyai modal syer sebanyak RM14.78 bilion dan jumlah aset sebanyak RM140.39 bilion. Jumlah keseluruhan pendapatan koperasi bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM42.05 bilion (unjuran).
2. Negeri Selangor mencatatkan jumlah tertinggi koperasi berdaftar iaitu sebanyak 1,731 koperasi diikuti negeri Perak sebanyak 1,602 dan negeri Sabah sebanyak 1,525 buah koperasi.
3. Koperasi-koperasi yang berdaftar adalah bebas untuk merancang dan menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi masing-masing bagi menjana pendapatan serta memberi manfaat kepada ahli-ahlinya. Aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh Koperasi dikelaskan kepada enam (6) sektor utama iaitu:-

Bil.	Sektor	Bilangan koperasi Utama	%
i.	Pemborongan dan Peruncitan	3,452	71.9
ii.	Perkhidmatan Kewangan	756	15.8
iii.	Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan	263	5.5
iv.	Pertanian dan Industri Asas Tani	43	0.9
v.	Perlادangan	99	2.1
vi.	Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan	186	3.8
	Jumlah	4,799	100.00

\*\* Baki 9,446 koperasi daripada 14,245 keseluruhan koperasi pada 31 Disember 2018 turut melaksanakan aktiviti di bawah setiap sektor di atas namun dalam saiz yang kecil.

4. Kementerian Pembangunan Usahawan komited dalam membantu gerakan koperasi supaya lebih berdaya saing seperti sasaran yang telah ditetapkan di dalam Rangka Kerja Keusahawanan Nasional (NEF) dengan menyasarkan sebanyak RM50 bilion perolehan untuk koperasi menjelang tahun 2020. Ini seterusnya dapat meningkatkan sumbangan gerakan koperasi kepada KDNK negara.

Sekian, terima kasih.